

Keutamaan pemeliharaan aset geologi

PELANCONGAN geo merupakan salah satu tarikan yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sahaja kaya dengan sejarah dan peradaban tetapi juga keunikan geologi yang mendapat pengiktirafan dunia.

Konsep pelancongan geo telah menarik ramai pelancong khususnya dari luar negara yang mahu lebih mendekati keindahan alam semula jadi di negara ini sekali gus menimba ilmu berharga.

Pensyarah Kanan Jabatan

Rekreasi dan Ekopelancongan Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia, Dr. Siti Suriawati Isa berkata, dalam usaha menarik pelancong ke lokasi pelancongan geo, keseimbangan pemeliharaan aset geologi juga perlu dititikberatkan.

“Negara kita bertuah kerana dilimpahi dengan pelbagai lokasi yang menyimpan khazanah geologi



SITI SURIAWATI

namun, dalam usaha untuk menjadikan ia sebagai satu tarikan aspek penjagaannya juga perlu dititikberatkan.

“Pihak pelaksana perlu menarik pelancong yang berkualiti daripada kuantiti kerana akses yang berlebihan mungkin akan menjejaskan aset geologi yang ada sekali gus merosakkannya,”

katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Tambahnya, aspek ini perlu

diambil kira memandangkan lokasi geologi kebiasaannya mengambil masa ribuan malah jutaan tahun untuk terbina dan ia mudah terjejas jika penerokaan tidak dikawal dengan baik.

Jelasnya lagi, semua pihak harus memainkan peranan dalam menjaga khazanah alam terutama aset geologi dan keseimbangan pelaksanaan pembangunannya. Pemeliharaan juga perlu seiring agar ia dapat dikekalkan untuk jangka masa lama.